

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-upachara merasmikan Bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Santan, Perlis, pada 13.9.71 jam 9.30 pagi

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh kepada Pengerusi dan ahli2 Lembaga Pengurus, Guru2, ibu2 bapa dan murid2 kerana telah menjemput saya hadir dan juga kehormatan yang di-berikan bagi saya merasmikan pembukaan bangunan tersebut yang berharga \$108,000 untok Sekolah Kebangsaan Santan.

Menurut cherita-nya, sekolah ini telah menempoh sejarah yang gemilang ia-itu bermula dari sebuah kedai, sekarang ini telah mempunyai bangunan yang chantek saperti yang kita sama2 lihat. Terbena-nya sekolah ini ia-lah oleh kerana ada-nya perasaan tanggung jawab di-antara beberapa orang yang bermaufakat kerana tidak mahu melihat anak bangsa mereka ketinggalan dalam pelajaran.

Saya suka menyebutkan di-sini bahawa jenerasi yang akan datang ada-lah di-bentokkan oleh sekolah2, maktab2 dan universiti2 kita hari ini. Kementerian Pelajaran sedar akan tanggung jawab ini dan akan terus berusaha bersungguh2 untok menjalankan tanggung jawab ini. Saya mengingatkan ibu2 bapa bahawa tanggung jawab mengadakan warganegara masa akan datang yang terpelajar, bijak, berdisiplin dan berguna bukan-lah semata2 tanggung jawab Kementerian Pelajaran, ia-nya ada-lah tanggung jawab bersama di-kalangan guru2, ibu2 bapa dan masharakat pada keseluruhannya.

Untok melaksanakan pelajaran dengan berkesan kita hendaklah menimbangkan pengamatan murid2, keperluan murid2 serta chita2 mereka. Ini boleh di-jalankan dengan lebeh mudah lagi jika guru2 serta ibu2 bapa dan Kementerian Pelajaran mengetahui kesulitan2 serta chita2 mereka. Oleh itu, Kementerian Pelajaran ada-lah berusaha menyemak semula dan melengkapkan bidang pelajaran di-sekolah2, sama ada sekolah2 rendah mahu pun menengah termasuk bidang pelajaran teknikal dan vokeshenal.

Berchakap mengenai pelajaran teknikal dan vokeshenal, suka saya sebutkan di-sini bahawa di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kementerian Pelajaran akan membena lagi 7 buah sekolah sa-umpama itu. Sekolah2 ini akan mengadakan kursus2 perdagangan, perusahaan dan teknikal yang boleh nanti menolong pelajar2 sakalian mendapatkan pekerjaan dengan senang-nya. Dalam Rancangan Malaysia yang Kedua ini, kita berkehendakkan ramai pekerja2 mahir dan ada-lah menjadi hasrat kerajaan untok mengeluarkan pekerja2 mahir ini dari sekolah2 vokeshenal kita.

Pada pagi ini suka saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran akan mengadakan sa-buah Sekolah Vokeshenal di-Perlis ini dan di-jangka siap pembenaannya pada awal tahun 1973. Dengan adanya sekolah ini nanti, kita berharap dapat melateh dan memberi tempat kepada lebeh kurang 600 orang pelajar mengikuti kursus2 yang di-adakan. Dengan itu juga ada-lah di-harapkan bilangan pekerja2 mahir di-negeri ini akan bertambah untok keperluan2 kilang2 perusahaan dan juga bahagian awam.

Kerajaan dan ibu2 bapa murid2 mempunyai harapan yang tinggi terhadap semua sekolah. Kerajaan berharap daripada sekolah2 ini kelak akan timbul pemuda dan pemudi yang berchita2 tinggi dan yang bertanggung jawab untok memikul peranan masing2 dalam pembangunan negara.

Murid2 sekalian, sungguh bernasib baik kerana dapat belajar dalam suasana yang selesa dan ada pula kemudahan2 pelajaran saperti yang di-kehendaki. Oleh itu, gunakan peluang yang di-berikan ini dengan sa-baik2-nya dan sa-penoh2-nya. Belajar-lah dengan bersungguh2 dan ta'at-lah kapada peratoran sekolah supaya harapan ibu bapa dan harapan kerajaan kita tidak kechewa.

Akhir kata, saya sekali lagi ucapkan terima kaseh kapada semua pehak yang berkenaan di-sekolah ini kerana dapat hadzir bersama2 dalam majlis yang meriah ini.

Dengan segala sukachita-nya, saya merasmikan pembukaan Bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Santan ini.



No Siri	66
No Penerimaan	66/80